



PERUTUSAN KETUA PENGARAH PORIM PORIM TUBUH UNIT PEMBANGUNAN PEKEBUN KECIL DAN PEMINDAHAN TEKNOLOGI

Pada bulan Oktober 1992 yang lepas Lembaga PORIM telah meluluskan penubuhan "UNIT PEMBANGUNAN PEKEBUN KECIL DAN PEMINDAHAN TEKNOLOGI".

Unit didalam Bahagian Biologi ini bertujuan memberi khidmat dan bantuan kepada industri kelapa sawit negara dengan fungsi utamanya menjalankan aktiviti pengembangan dan meningkatkan pemindahan teknologi kelapa sawit terutamanya kepada pekebun-pekebun kecil.

Sektor pekebun kecil terdiri daripada pekebun kecil bersendirian dan yang menanam kelapa sawit melalui organisasi kerajaan seperti FELDA, LPP, RISDA, FELCRA, SALCRA, SLDB dan lain-lainnya.

Aktiviti utama unit ini ialah menjalankan kursus/ceramah untuk kumpulan-kumpulan pekebun kecil, ejen pengembangan, pengurus ladang, mini estet dan pengurus kawasan agensi berkenaan. Usaha lain termasuklah penerbitan dan edaran bahan cetakan, pameran dan mengadakan petak-petak demonstrasi.

Projek tanaman kontan, khidmat 'hotline', khidmat nasihat dan perundingan juga akan diberi perhatian.

Isi Kandungan

* PORIM tubuh Unit Pembangunan Pekebun Kecil dan Pemindahan Teknologi	1
* Dari meja editor - Kearah kecemerlangan produktiviti pekebun kecil kelapa sawit negara	2
* Kegiatan Unit Pembangunan Pekebun Kecil dan Pemindahan Teknologi	3
* Kenalilah Jenis Kelapa Sawit Anda	4
* Sudut Teknologi - Penaklaiman Menjamin Kualiti Pokok Kelapa Sawit	5
* Berita Bergambar	6
* Perkhidmatan Hotline - 'Talian Sawit'	10
* Peladang Jaya - Kelapa Sawit Membawa Berkat Kepada Tn. Hj. Kadir	11
* Reaksi Pembaca Dan Maklumbalas	12

Dengan penubuhan unit ini, PORIM berharap dapat melaksanakan aktiviti pengembangan dan pemindahan teknologi kelapa sawit masakini dengan lebih berkesan dan tersusun.

Pihak pekebun kecil pula diharap dapat memberi sambutan yang baik terhadap usaha PORIM ini. Mereka perlu peka kepada kemajuan dan penerimaan teknologi demi memperbaiki lagi produktiviti dan taraf sosio-ekonomi mereka agar setanding dengan sektor estet di negara ini.

PORIM turut terlibat dalam kegiatan pengembangan kelapa sawit sebelum ini tetapi kebanyakannya terhad kepada menyampaikan pengetahuan dan maklumat menerusi agensi-agensi pengembangan.

Matlamat PORIM ialah meningkatkan kecekapan pengeluaran minyak sawit. Sekiranya pembaziran dapat diatasi dalam lingkungan 10% misalnya, ini bermakna lebih pendapatan sebanyak RM 600 juta setahun. Untuk mencapai sasaran 10% ini berbagai cara boleh dilakukan. Hasil BTS (berat tandan segar) boleh ditingkatkan dari 20 tan setahun kepada 22 tan setahun, perahan minyak boleh ditingkatkan dari 18% kepada 20%.

Pendapatan dari BTS serta aktiviti sampingan juga boleh ditingkatkan supaya membantu pencapaian matlamat 10% ini. Unit Pembangunan Pekebun Kecil dan Pemindahan Teknologi PORIM berhasrat untuk menyumbang kepada pencapaian matlamat meningkatkan kecekapan pengeluaran dengan angka 10% ini pada peringkat pemulaannya.



Teknologi perladangan terkini dapat menjamin peningkatan hasil yang lumayan kepada pekebun kecil.

SIDANG PENGARANG

PENASIHAT

Dr. Yusof Bin Basiron
Ketua Pengarah PORIM

PENGERUSI

Prof. Dr. Jalani Bin Sukaimi

KETUA EDITOR

Tn. Hj. Mohd Tayeb Bin Dolmat

EDITOR

En. Suboh Bin Ismail
En. Mohd Nasir Bin Hassan Basri
Dr. Ariffin Darus
Dr. N. Rajanaidu

SETIAUSAHA

En. Roslan Bin Arshad

MAKLUMAN

Berita Sawit adalah penerbitan untuk edaran Pekebun-Pekebun Kecil tanaman kelapa sawit.

Rencana dalam Berita Sawit ini hanya boleh dipetik dan disiarkan secara sebahagian atau keseluruhan dengan izin Ketua Pengarah PORIM.

Sebarang pendapat dan idea daripada para pembaca adalah dialu-alukan. Segala pertanyaan, masalah dan kemusykilan bolehlah dialamatkan surat anda kepada :

Berita Sawit
Ibu Pejabat PORIM
Peti Surat 10620
50720 Kuala Lumpur

DARI MEJA EDITOR

KEARAH KECEMERLANGAN PRODUKTIVITI PEKEBUN KECIL KELAPA SAWIT NEGARA

Selalu kita semua bertanya - mengapakah pencapaian hasil kelapa sawit pekebun kecil di negara kita ini jauh lebih rendah dibandingkan dengan sektor estet? Tidakkah teknologi perladangan yang kedapatan masakini sampai untuk diamalkan oleh pak tani-pak tani kita?

Walau apa sekali pun tidak dapat kita nafikan bahawa sektor pekebun kecil memainkan peranan yang penting di dalam perkembangan industri kelapa sawit negara. Hampir 55 peratus daripada jumlah keluasan tanaman kelapa sawit negara digolongi oleh sektor pekebun kecil (46% secara tersusun dan 9% secara sendiri) - bayangkanlah kalau hasil pekebun kecil kita dapat dipertingkatkan setanding dengan sektor estet - bukan sahaja taraf sosio-ekonomi mereka bertambah baik, negara kita juga turut bersama maju ke hadapan dan bertambah makmur.

Unit Pembangunan Pekebun Kecil dan Pemindahan Teknologi (UPPK & PT) PORIM yang ditubuhkan pada Oktober 1992 diamanahkan untuk membantu dalam pembangunan industri kelapa sawit negara khususnya sektor pekebun kecil bagi mencapai matlamat yang disebutkan di atas. Beberapa strategi telah disusun untuk mengatasi seberapa banyak yang boleh masalah-masalah yang sering dihadapi oleh pekebun kecil seperti penggunaan bahan tanaman yang kurang berkualiti, tahap pengurusan ladang yang rendah, penanaman kelapa sawit di tanah-tanah yang marginal, masalah penyakit/perosak, saiz kebun yang kecil dan sebagainya.

Strategi-strategi ini antara lainnya termasuklah mempertingkatkan lagi aktiviti-aktiviti latihan dan komunikasi (seperti kursus-kursus, percetakan risalah/'newsletter'/poster, pameran, rancangan radio/TV dan khidmat hotline), aktiviti-aktiviti pengembangan dan pelaksanaan projek seperti mengadakan sesi-sesi ceramah/dialog, petak demonstrasi, petak percubaan/pemerhatian, projek integrasi tanaman dan ternakan serta projek angkat kebun-kebun/ladang bermasalah serta memberi khidmat nasihat dan perundingan dengan lebih profesional dan berkesan. UPPK&PT PORIM akan berganding bahu dengan agensi-agensinya yang bertanggungjawab ke atas sektor pekebun kecil seperti FELDA, FELCRA, LPP, RISDA, Jabatan Pertanian dan lain-lainnya bagi melaksanakan sebahagian daripada aktiviti-aktivitinya.

Insyallah, niat murni kita hendak berbakti membangun industri kelapa sawit negara khususnya sektor pekebun kecil diperkenankanNya.

Sama-samalah kita berusaha dan berdoa.

KEGIATAN UPPK & PT

Bermula awal tahun 1993, UPPK & PT telah melaksanakan beberapa aktiviti untuk menyalurkan maklumat dan teknologi terkini kepada pekebun kecil dan agen pengembangan kelapa sawit seperti kursus, ceramah, dialog dan penyiaran radio.

1. **Kursus kelapa sawit (dianjurkan oleh/bersama agensi pengembangan)**

Sebanyak enam kursus kelapa sawit untuk pekebun kecil telah diadakan di seluruh negara. Bilangan peserta yang hadir ialah 213 orang. Manakala kursus kelapa sawit untuk agen pengembangan (pegawai RISDA, Jabatan Pertanian, FELCRA, LPP, ladang koperasi dan ladang swasta) sebanyak lima kursus dengan 148 orang peserta telah dianjurkan.

Tajuk-tajuk ceramah untuk kursus-kursus ini adalah seperti berikut :-

- o Bahan tanaman dan pengurusan tapak semaian.
- o Pembajaan kelapa sawit.
- o Penuaian dan pemangkasan.
- o Pengurusan ladang kelapa sawit.
- o Pengurusan/pembangunan tanah bermasalah untuk kelapa sawit.
- o Amalan agronomi untuk meningkatkan pengeluaran.
- o Kawalan penyakit reput pangkal batang - Ganoderma.

Sambutan terhadap kursus ini adalah sangat menggalakkan di mana penyertaan yang begitu ramai dan banyak persoalan telah dibangkitkan.

2. **Ceramah/dialog**

Tiga sesi ceramah/dialog telah dianjurkan dengan bilangan peserta terdiri daripada 135 orang pegawai-pegawai Jabatan Pertanian, Ketua Peneroka rancangan FELDA dan penuntut universiti. Perkara utama yang dibincangkan ialah :-

- o Pengurusan tanaman kelapa sawit

- o Bahan tanaman
- o Pengurusan kelapa sawit ditanah lateritik

3. **Siaran Radio**

UPPK & PT telah menyertai dua rancangan radio iaitu Keringat Bakti di Radio 3 Kuala Terengganu dan Semai Bakti di Radio 3 Shah Alam untuk memberi penerangan penubuhan UPPK & PT dan menjawab soalan-soalan pekebun kecil melalui panggilan telefon.

4. **Lawatan Nasihat**

Selain aktiviti pemindahan teknologi, UPPK & PT juga telah mengadakan 17 lawatan khidmat nasihat keladang kelapa sawit milik beberapa agensi seperti RISDA, LPP, Koperasi dan pekebun persendirian (melalui agensi pengembangan) untuk mengenalpasti masalah yang dihadapi dan seterusnya memberi pengesyoran keatas mengatasi masalah ini.

Masalah utama yang dihadapi atau dikemukakan oleh agensi terlibat adalah seperti berikut:-

- o Pembajaan
- o Pengurusan kelapa sawit ditanah bermasalah
- o Bahan tanaman
- o Kawalan rumpai dan penyakit

4. **Aktiviti akan datang**

4.1 Kursus sehari kelapa sawit untuk agen pengembangan

Enam kursus sehari akan dianjurkan dalam tempoh enam bulan hadapan. Kursus pertama akan diadakan di Ibu Pejabat PORIM, Bandar Baru Bangi pada 28 Julai 1993 untuk pegawai-pegawai Jabatan Pertanian Negeri Melaka. Yang lainnya akan ditetapkan kemudian.

bersambung dimuka surat 10

KENALILAH

JENIS KELAPA SAWIT ANDA

Terdapat tiga jenis kelapa sawit iaitu dura, pisifera dan tenera (DxP). Dura mempunyai tempurung yang tebal; manakala pisifera tiada mempunyai tempurung. Tenera pula adalah hasil kacukan diantara dura dan pisifera, dan mempunyai sifat pertengahan antara kedua-dua jenis dura dan pisifera.

Perbandingan antara buah dura, pisifera dan tenera adalah seperti berikut :-

a) Dura



Tempurung tebal (2-8 mm),
Tiada serabut keliling biji,
Mesokarpa (20 - 65%),
Tempurung (25 - 65%),
Isirong (4-20%),
Nisbah minyak/tandan (17-18%),
Hasil purata tahunan untuk umur 10 tahun
(22.0 tan/hektar)

b) Pisifera



Tiada tempurung,
Terdapat gelang serabut keliling biji,
Mesokarpa (92-97%),
Isirong (3-8%),
Nisbah minyak/tandan (16-17%),
Hasil amat rendah kerana kelazimannya bunga
betina mandul.

c) Tenera



Tempurung nipis (3 mm),
Terdapat gelang serabut keliling biji,
Mesokarpa (60-96%),
Tempurung (3-20%),
Isirong (3-15%),
Nisbah minyak/tandan (22-24%),
Hasil purata tahunan untuk umur 10 tahun
(27.5 tan/hektar)

Berpandukan dari ciri buah dan pengeluaran hasil, ternyata jenis tenera adalah kelapa sawit yang terbaik dan patut ditanam oleh setiap petani.

SUDUT TEKNOLOGI

PENAKAIAN MENJAMIN KUALITI POKOK KELAPA SAWIT

Diwaktu kebelakangan ini, seringkali terdengar masalah pekebun kecil menanam kelapa sawit dengan bahan tanaman yang tidak berkualiti dan bermutu rendah. Disamping pencemaran baka, bercampur aduk jenis tenera dengan pisifera dan dura, anak pokok yang dibekalkan oleh pengusaha tapak semaian kepada pekebun kecil tidak ditakai. Dengan lain perkataan tiada pengasingan dan pembuangan anak pokok yang tidak normal dilakukan.

Ini mengakibatkan anak pokok yang tidak normal turut ditanam keladang dan kesudahannya hasil pengeluaran yang diperolehi jauh lebih rendah dari yang sepatutnya. Anak pokok tidak normal ini akan terus tidak berubah sehingga matang dan kelazimannya pokok berkenaan tidak akan mengeluarkan buah sehingga akhir hayat.

Untuk mengatasi masalah anak pokok yang tidak berkualiti ini, adalah dinasihatkan supaya pembelian anak pokok dibuat dari pengusaha tapak semaian yang berdaftar dengan PORLA. Kesemua pengusaha ini mendapatkan bijibenh dari pengeluar biji benih tenera (DxP) yang diperakui tulen.

Walau bagaimanapun, semasa membeli untuk menanam ke ladang pastikan anak pokok mencapai umur melebihi 12 bulan dan penakaian yang ketat dilakukan. Sebagai pembeli, pekebun kecil berhak menolak anak pokok yang tidak normal. Sebagai panduan, berikut disenaraikan beberapa ciri anak pokok yang tidak normal dan perlu ditakai.

a) Anak benih bantut



Pertumbuhan anak pokok jauh lebih kecil berbanding dengan anak pokok yang lain walaupun umur dan baka adalah sama

b. Daun bahagian atas rata



Daun-daun baru keluar berkeadaan pendek dan tidak membesar, menjadikan daun muda dan tua sama tinggi.

bersambung dimuka surat 8

sambungan dari muka surat 5

c. Pelepah berbentuk tegak



Pelepah-pelepah yang keluar tidak berkembang tetapi terus tegak menjadikan sudut antara pelepah dan batang terlalu rapat.

d. Pelepah daun terkulai



Pelepah-pelepah dan daun pokok tidak tegak seperti keadaan biasa. Pelepah terkulai seolah olah lumpuh.

e. Daun pada pelepah tua tidak berpecah



Lidi daun tidak berpecah walaupun beberapa lama ditapak semaian

f. Jarak antara anak daun dalam pelepah terlalu dekat



Ini adalah kerana anak daun pada pelepah berkenaan terlalu banyak menyebabkan keadaan kesesakan berlaku

g. Jarak antara anak daun dalam pelepah terlalu jauh



Anak daun pada pelepah terlalu jarak antara satu dengan lain, menyebabkan keadaan anak benih seolah-olah kurus dan terdedah

i) Daun 'Collante'



Daun-daun tidak berkembang dan terus bercantum, menjadikan ia berkeadaan berkedut

h. Anak daun pendek



Daun jelas lebih pendek jika dibandingkan dengan daun daripada pokok pokok lain.

j. Anak daun tirus



Anak pokok kelihatan kurus dan tidak subur

PELADANG JAYA KELAPA SAWIT MEMBAWA BERKAT KEPADA HAJI KADIR

Tanaman kelapa sawit merupakan komoditi utama yang memberi sumbangan penting kepada ekonomi Malaysia. Dalam tahun 1992 seluas 2.17 juta hektar kelapa sawit ditanam di Malaysia dimana sektor pekebun kecil persendirian menyumbangkan sebanyak 193,000 hektar iaitu 8.91% daripada jumlah keluasan tanaman tersebut.

Baru-baru ini wakil Berita Sawit telah sempat menemuramah salah seorang pekebun kecil yang dianggap berjaya. Pekebun kecil tersebut ialah Tuan Haji Kadir b. Majid. Beliau mengusahakan tanah seluas 1.62 hektar (4 ekar) di Kg. Batu 2, Sepang, Selangor Darul Ehsan. Selain daripada mengusahakan kelapa sawit, beliau juga menjalankan kerja sampingan seperti menanam ubi kayu, nenas dan menoreh getah. Apa yang menarik minat Berita Sawit untuk menemuramah beliau ialah tentang kegigihan beliau walaupun mempunyai anggota yang cacat iaitu berkaki palsu serta hasil pendapatan yang tinggi diperolehi daripada tanaman kelapa sawit.



Pengawalan rumpai memastikan kebun yang bersih dan pokok mendapat pemakanan yang mencukupi.

Berbekalkan semangat dan tekad yang gigih untuk berjaya, beliau telah membuktikan kepada pekebun lain bahawa kecacatan yang ada pada dirinya bukanlah menjadi penghalang untuk menceburi diri dalam kegiatan tanaman kelapa sawit yang serba mencabar.

Menurut Pak Haji Kadir, penglibatan awal beliau dalam penanaman kelapa sawit ialah pada tahun 1985; dimana ketika itu harga getah telah jatuh dengan teruknya. Akibat tekanan ekonomi, punca pendapatannya dari getah juga turut terjejas; lebih-lebih lagi ketika itu pokok getahnya sudah tua. Beliau telah mengadakan perbincangan dengan ahli keluarga dan memutuskan untuk menanam kelapa sawit menggantikan getah yang tua, walaupun mendapat hangkangan dari ahli keluarganya.

Ini kerana pada pandangan beliau tanaman sawit mempunyai potensi yang cerah dimasa hadapan. Ini disebabkan ada beberapa faktor yang menguatkan semangatnya untuk beralih kepada penanaman kelapa sawit iaitu :

- i) Harga yang tinggi berbanding dengan getah.
- ii) Faktor tenaga buruh yang mudah didapati dan masa bekerja yang lebih singkat berbanding dengan menoreh getah.
- iii) Keupayaan fizikalnya untuk mengusahakan kelapa sawit.

Sebagai permulaan beliau memohon bantuan daripada RISDA untuk menanam semula, dan permohonan beliau diluluskan. Beliau telah menanam pokok kelapa sawit jenis tenera, yang dibeli daripada Guthrie (Chemara). Apabila tanaman telah mengeluarkan hasil, kebun beliau telah dipilih oleh Jabatan Pertanian sebagai plot percubaan penggunaan baja. Daripada sana beliau telah mendapat tunjuk ajar tentang penggunaan baja yang betul.

Setelah mengusahakan tanaman ini selama 8 tahun, beliau mendapati bahawa hasil pulangan adalah memuaskan. Hasil yang diperolehi daripada tanaman beliau ialah 35 tan/hektar/tahun bagi keluasan 1.62 hektar iaitu kira-kira 2.9 tan/hektar/bulan.



Pokok yang sihat dan subur menjadi kebanggaan dan memberikan hasil yang lumayan (sehingga 35 tan bts/ha/tahun)

Anggaran pendapatan bersih sebulan daripada tanaman kelapa sawitnya ialah kira-kira RM 500.00. Dengan pendapatan ini dan pendapatan sampingan, beliau telah dapat mengubah corak kehidupan yang lebih sempurna. Beliau berkemampuan membeli peralatan seperti Television, Peti Sejuk, membayar premium tanah yang diberi oleh kerajaan, berupaya menampung kos perubatan isteri beliau di hospital swasta yang semuanya tidak dikecapi sebelumnya.

Kemuncak daripada pendapatan beliau yang bertambah baik dan sikap jimat cermat, beliau suami isteri berjaya menunaikan Fardhu Haji pada tahun 1992.



Berkat usaha gigih Tn. Hj. Kadir dan isteri telah berjaya menunaikan Fardhu Haji pada tahun 1992.

Sebelum wakil Berita Sawit beredar sempat juga ditanya rashia kejayaan beliau mendapat hasil yang tinggi. Menurut Hj. Kadir beliau mengamalkan beberapa perkara :-

- i) Kawasan kebun perlu sentiasa bersih daripada rumpai, dan paku pakis, yang terdapat pada pokok hendaklah dibuang.
- ii) Gunakan benih yang bermutu.
- iii) Pembajaan hendaklah dilakukan sekurang-kurangnya 2 kali setahun dan mengikut jadual dan kadar yang betul.
- iv) Hendaklah mengikut tunjuk ajar yang diberi oleh agen pengembangan.

Pada pandangan Berita Sawit, kejayaan dan kegigihan Tuan Haji Kadir patutlah dicontohi serta dijadikan panduan oleh pekebun-pekebun lain dalam usaha mendapatkan hasil yang tinggi dan lumayan menerusi tanaman kelapa sawit.

Sumbangan : Mat Jamil Ab. Rahman
Mohd Azmi Ismail
UPPK & PT

REAKSI PEMBACA DAN MAKLUMBALAS

Ruangan ini akan cuba mengutarakan segala reaksi dari pembaca. Disebabkan ini adalah keluaran pertama maka pihak editor masih belum menerima apa-apa reaksi bagi mengisi ruangan ini. Bagi menjayakan keluaran akan datang kami amat mengalu-alukan sebarang reaksi samada berupa pendapat, idea atau kemusykilan dari pembaca-pembaca. Semoga dengan tersiarnya reaksi anda akan dapat membantu menyalurkan maklumat kepada perkembangan sektor pekebun kecil kelapa sawit dinegara ini.